



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاترْ خَالِ الْاَحوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

02 JAMADILAWAL 1447H / 24 OKTOBER 2025M

“NILAI SEDETIK MASA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:
وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾ (العصر: ١-٣)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Terlebih dahulu saya ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian dan kepada diri saya sendiri, marilah kita bersama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya, kerana takwa itulah sebaik-baik bekal dalam menempuh perjalanan hidup menuju akhirat yang kekal abadi. Antara tanda orang yang bertakwa ialah mereka menghargai masa dan tidak mensia-siakan setiap detik kehidupan yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Masa adalah nikmat yang amat besar, namun sering dilupakan. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“NILAI SEDETIK MASA.”**

SIDANG MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Segala nikmat yang kita miliki seperti ilmu, harta, pangkat dan darjat tidak akan memberi makna jika tidak disertai dengan keredaan Allah SWT. Namun, untuk mencapai keredaan itu, masa menjadi unsur yang amat penting dalam kehidupan. Setiap saat merupakan peluang untuk mencari keredaan Allah dengan menggunakan nikmat yang dikurniakan mengikut jalan yang diredai-Nya. Harta perlu diinfaqkan sebelum masa terhenti, pangkat dan darjat perlu digunakan untuk menegakkan kebenaran sebelum masa berkuasa diambil kembali. Sayangnya, ramai manusia bertanggung melakukan amal dan berlengah dalam ketaatan, seolah-olah masa akan menunggu mereka.

Walhal hakikatnya, masa tidak pernah menunggu sesiapa. Setiap detik yang kita biarkan berlalu tanpa amal soleh adalah rugi yang tidak terganti. Maka, renungkanlah berapa banyak masa telah kita habiskan untuk mencari keredaan Allah, dan berapa banyak pula masa terbuang kerana leka dengan dunia? Firman Allah SWT dalam surah al-'Asr mengingatkan:

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

Maksudnya: *“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”*

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya, apabila kita menelusuri sirah kehidupan Rasulullah SAW, terserlah bahawa Baginda adalah teladan agung dalam menghargai dan

memelihara masa. Rasulullah SAW adalah insan yang luar biasa dalam setiap tindakan dan keputusannya serta penggunaan masanya amat teratur dan penuh keberkatan. Menakjubkan lagi, walaupun masa yang digunakan tampak sedikit, namun hasil dan kejayaan yang dicapai oleh Baginda sangat besar dan tidak dapat digugat sepanjang zaman.

Sebagai contoh untuk kita teladani, Rasulullah SAW selaku pemimpin negara tetap meluangkan masa malamnya untuk beribadah, mendirikan qiamullail sehingga bengkok kakinya. Apabila ditegur oleh isterinya, Sayidatina Aisyah RA, Baginda menjawab dengan penuh tawaduk:

" أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا "

Maksudnya: *"Tidaklah aku ingin menjadi hamba yang bersyukur?"*
(HR Bukhari dan Muslim)

Inilah bukti bahawa Rasulullah SAW sentiasa menggunakan masa dengan penuh hikmah dan kesyukuran, menjadikan setiap detik kehidupannya bernilai di sisi Allah SWT.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ibn Hajar al-'Asqalani menyebut dalam *Fath al-Bari*: *"Yang dimaksudkan keberkatan masa diangkat, ialah hari-hari terasa berlalu pantas tanpa banyak hasil atau kebaikan dilakukan."*

Inilah zaman yang sedang kita lalui, masa berlalu pantas, hari berganti tanpa sedar, minggu bertukar dengan sedikit kebaikan. Kesibukan di siang dan malam namun urusan masih tertangguh, dunia dikejar, ketenangan pula menjauh.

Hakikatnya, masa bukan semakin pendek, tetapi keberkatannya yang hilang. Dua puluh empat jam yang sama kini terasa sempit dan tidak

bermakna. Hilangnya barakah masa bukan kerana tersalah susun jadual, tetapi kerana lemahnya hubungan manusia dengan Allah SWT.

Apabila zikir ditinggalkan, solat dilengah-lengahkan, amanah diabaikan dan maksiat dibiarkan, maka keberkatan masa itu hilang. Akibatnya, hidup terasa sempit, hati tidak tenang, dan masa berlalu tanpa keberhasilan. Maka setiap muslim hendaklah sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT, kerana Allah akan memperlakukan hamba-Nya sesuai dengan sangkaan mereka. Sangka baik kepada Allah bukan sekadar perasaan, tetapi tanda keimanan dan doa yang tersembunyi dalam hati.

SIDANG JEMAAH YANG DIBERKATI ALLAH SEKALIAN,

Menyimpul khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran yang mengingatkan kita tentang nilai masa dan keberkatannya dalam kehidupan seorang mukmin.

Pertama: Masa merupakan amanah daripada Allah SWT yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Setiap detik kehidupan adalah pinjaman yang akan dikembalikan. Maka gunalah masa yang dikurniakan ini untuk ketaatan, bukan kelalaian, kerana masa yang berlalu tidak akan kembali.

Kedua: Janganlah kita suka bertangguh dalam melakukan kebaikan. Menunda amal adalah tipu daya syaitan. Setiap hari yang berlalu tanpa amal soleh adalah kerugian yang besar. Rebutlah peluang berbuat baik selagi nyawa dikandung badan dan masa masih mengizinkan.

Ketiga: Orang yang gagal menguruskan masa dengan baik termasuk dalam golongan yang rugi di dunia dan akhirat. Hidupnya tidak teratur, amalnya tidak berkat, dan akhirnya terlepas peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Firman Allah SWT dalam surah Maryam ayat 39:

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْحَسْرَةِ إِذْ قُضِيَ الْأَمْرُ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ وَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: “Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada umat manusia seluruhnya tentang hari penyesalan iaitu hari diselesaikan perbicaraan perkara masing-masing pada masa mereka (yang ingkar) di dunia ini berada dalam kelalaian serta mereka pula tidak mahu beriman.”

Justeru, sebelum kematian mendatangi kita, marilah kita gunakan waktu yang berbaki daripada umur kita untuk hal-hal yang bermanfaat dan diredai Allah SWT. Janganlah kita bertangguh dalam melakukan amal kebaikan kerana ajal akan datang pada bila-bila sahaja. Alangkah ruginya jika hidup kita yang singkat ini dipenuhi dengan perkara yang sia-sia dan merosakkan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan,

mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.